

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2015 (Selasa)**

**SOALAN :**

**TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) jumlah warganegara yang layak untuk mendaftar sebagai pengundi menjelang akhir 2017; dan
- (b) strategi yang diambil untuk mendaftarkan sebanyak mungkin pengundi baru.

**JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) **tidak mempunyai** maklumat mengenai jumlah warganegara yang layak untuk mendaftar sebagai pengundi menjelang akhir tahun 2017. Setiap pengemaskinian maklumat daftar pemilih hanya dibuat berdasarkan kepada pendaftaran baru dan pendaftaran tukar alamat pada setiap suku tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh SPR untuk menarik lebih ramai warganegara untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini termasuklah menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran di pusat membeli-belah, pusat rekreasi, kawasan penempatan penduduk, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pusat-pusat latihan yang berkaitan.

Selain itu, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kuanter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

SPR juga sentiasa terbuka untuk **menerima jemputan** untuk menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran sekiranya terdapat jemputan bagi penganjuran program-program yang berkaitan. SPR juga telah **menyediakan risalah-risalah yang berkaitan** untuk diedarkan kepada orang ramai dan **pemakluman melalui media elektronik** bagi memberi penjelasan mengenai urusan pendaftaran pemilih yang dilaksanakan oleh SPR.

Sekian, terima kasih.